

SINAR (NASIONAL) 30/11/15

MyGift jana m/s 13 kewangan UMP

PEKAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan MyGift sebagai inisiatif baharu institusi pengajian tinggi itu meneroka sumber kewangan dan penjanaan pendapatan tanpa bergantung kepada pembiayaan kerajaan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, inisiatif baharu itu membolehkan agensi kerajaan, badan korporat dan orang perseorangan sama ada dari dalam atau luar negara menyalurkan sumbangan.

"Sumbangan dalam bentuk kewangan atau material ke tabung MyGift akan digunakan bagi tujuan tajaan pendidikan atau penambahbaikan iklan pengajian di UMP," katanya pada Majlis Penganugerahan Autonomi dan Aspirasi Universiti-Industri UMP.

Daing Nasir berkata, UMP menyasarkan program itu dapat mengumpul dana RM40 juta dan setakat ini sebanyak RM4.13 juta berjaya dicapai.

"Angka ini masih rendah dari sasaran yang diletakkan, oleh itu pihak pengurusan berpendapat kejayaan pelaksanaan MyGift dapat direalisasikan secara berkesan jika alumni, staf dan lembaga pengarah universiti dapat memainkan peranan dengan lebih proaktif," katanya.

Jelasnya, sembilan *endowmen* dan tabung diwujudkan menyokong inisiatif MyGift iaitu penubuhan Kursi Kecemerlangan bagi aktiviti ilmiah, biasiswa pelajar, *endowmen* kemudahan makmal dan fasiliti untuk memenuhi keperluan pelajar di bulan puasa. - *Bernama*